

16/03/1997

Akhirnya Lee Kuan Yew minta maaf

A Nazri Abdullah

AKHIRNYA Lee Kuan Yew meminta maaf kerana menuduh Johor sebagai negeri yang terkenal dengan kejadian tembak menembak, menyamun dan merampas kereta. Beliau meminta maaf bukan atas dasar sukarela tetapi selepas diminta oleh Kabinet Malaysia. Tuduhan beliau yang terkandung dalam afidavitnya terhadap bekas calon pembangkang Tan Liang Hong, menimbulkan kemarahan seluruh rakyat Malaysia. Ini bukanlah kali pertama Lee Kuan Yew bersikap demikian. Tahun lalu beliau menuduh Malaysia mengamalkan dasar perkauman, sedangkan hakikatnya perkauman dan pilih kasih di Singapura lebih tebal dan teruk daripada Malaysia.

Tindakan Lee meminta maaf tidak bermakna beliau menarik balik tuduhannya ke atas Johor. Selagi afidavit itu tidak diperbetulkan, maka tuduhan itu tetap wujud dan akan disimpan sebagai rekod rasmi. Selagi Lee Kuan Yew tidak menarik balik tuduhannya ke atas Johor dalam afidavitnya itu, maka selagi itulah rakyat Malaysia akan melihat Lee sebagai pemimpin yang menyimpan perasaan buruk sangka terhadap Malaysia.

Lee sebenarnya bukan terlanjur bicara atau terlepas cakap. Walaupun beliau sudah tua, beliau tidak nyanyuk atau berperangai seperti budak-budak. Beliau tentulah sedar implikasi tuduhannya itu ke atas hubungan Malaysia-Singapura. Peguamnya juga tentu dapat menjangka apakah reaksi Malaysia kesan daripada tuduhan itu. Tindakannya meminta maaf mungkin sudah dirancangnya awal-awal lagi, sebab itulah kenyataannya disertakan dengan penjelasan yang cuba mempertahankan pendiriannya.

Lee menuduh Johor tetapi kenyataannya meminta maaf tidak langsung menyebut perkataan Johor. Beliau hanya membuat kenyataan terbuka kepada kerajaan dan rakyat Malaysia tanpa merujuk secara khusus kepada negeri Johor dan Sultan Johor. Jelas sekali Lee tidak ikhlas sebaliknya mahu bermain politik. Kita akui beliau seorang yang bijak, tetapi beliau tidak boleh menganggap orang lain semuanya bodoh.

Lee Kuan Yew mungkin tidak berasa apa-apa tekanan dalam hal ini tetapi Goh Chok Tong dan Kabinetnya terpaksa menanggung bebanan diplomatik. Goh amat memahami sikap Lee kerana menteri kanan itu pernah menjatuhkan air mukanya di khalayak ramai. Lee bebas menuduh sesiapa saja di Singapura dan Goh boleh memaafkannya, tetapi apabila tuduhan itu dilemparkan ke atas negara lain, Goh tentulah berada dalam keadaan serba salah, sama seperti ketika isu meritokrasi dibangkitkan oleh Lee sedikit masa lalu. Mungkin juga ini sebahagian daripada strategi Lee untuk menguji kesabaran Goh.

Tuduhan Lee sama sekali tidak masuk akal kerana Johor adalah tempat rakyat Singapura membeli belah dan melabur. Kehadiran begitu ramai rakyat Singapura membeli rumah dan tanah di Johor memaksa kerajaan mengenakan levi ke atas rakyat asing. Pun begitu masih ramai rakyat Singapura yang melabur dalam hartanah di Johor dan Malaysia. Kalau Johor bukan tempat yang selamat, tentulah rakyat Singapura tidak melabur di sana.

Sebenarnya Singapura lebih tidak selamat daripada Malaysia kalau dilihat dari segi kebebasan bersuara dan bergiat dalam politik. Parti pembangkang dikenakan pelbagai tekanan dan sekatan berbanding Malaysia. Di Malaysia parti pembangkang bebas bersuara dan setahu kita tidak ada seorang pun ahli politik Malaysia yang meminta perlindungan politik di negara lain. Tetapi di Singapura keadaannya berbeza. Lihat apa yang terjadi kepada Francis Seow, Dr Chee dan Jayaratnam. Kalau bekas Presiden Singapura sendiri, Devan Nair memilih Malaysia untuk bermastautin, apakah Lee masih mahu mempertahankan benang basahnya?

Sepuluh tahun lalu Lee boleh berlagak sombong dan angkuh kerana ketika itu Singapura adalah primadona Asia. Kini keadaannya sudah berubah. Lee wajar menerima hakikat bahawa kejayaan Malaysia dan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih kerap disebut daripada nama Singapura dan Lee. Lebih ramai pemimpin dunia yang melawat Malaysia daripada Singapura. Lebih banyak pelabur yang datang ke Malaysia daripada Singapura. Kita bukan bercakap besar atau sombong, tetapi inilah hakikatnya yang berlaku di rantau ini. Lee sepatutnya keluar daripada selimut keangkuhan kerana persekitaran sudah berubah.

Lee sepatutnya terus bersara daripada politik kerana kehadirannya lebih banyak menimbulkan keributan daripada ketenangan. Beliau patut bersara ketika jasanya masih disebut dan menyerahkan semua kuasa kepada Goh untuk menerajui Singapura. Kita bimbang apa yang Lee lakukan ke atas Devan Nair dahulu akan menimpa dirinya jika beliau terus berada dalam gelanggang politik Singapura.

Kita harap Lee membuang jauh-jauh segala perasaan cemburunya kepada Malaysia dan Dr Mahathir. Usahlah cemburu, marah dan kecil hati dengan kejayaan Malaysia dan berusaha memburuk-burukkan negara jiran. Kemajuan dan kejayaan Malaysia tentu sekali akan melimpah ke negara jirannya juga dan ini sudah terbukti dengan kehadiran begitu ramai pelabur Singapura yang mengaut untung di Malaysia.

Tuduh menuduh di antara Lee dan Tang Liang Hong adalah masalah politik Singapura yang tidak ada kena-mengena dengan Malaysia. Kita bersimpati dengan Tang tetapi ini tidak bermakna Malaysia harus melindungi Tang dalam pergaduhannya dengan Lee. Sebagai warganegara Asean, Tang berhak tinggal di Malaysia setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tetapi beliau tidak boleh mengharap Malaysia memberi keistimewaan kepadanya untuk tinggal lebih lama dari tempoh yang dibenarkan.

Kita tidak mahu Kerajaan Malaysia meninggalkan contoh yang boleh merosakkan hubungan Malaysia-Singapura. Kita tidak mahu pemimpin pembangkang Singapura menjadikan Johor dan Malaysia sebagai medan peperangan mereka dengan Lee atau sesiapa saja pemimpin Kerajaan Singapura. Tang harus memahami kedudukan ini kerana kita tidak mahu seekor dua kerbau di Singapura yang terpalit tahi, semua mendapat busuknya.

(END)